

| | |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 9 JUNE 2016 |



NOOR HASNI SAAD menunjukkan salinan laporan polis mengenai dakwaan penipuan tandatangan Deklarasi Mahathir di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara, Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

Siasat urusan jual beli maklumat peribadi untuk Deklarasi Mahathir

KEPALA BATAS 8 Jun - Seorang aktivis masyarakat hari ini membuat laporan polis berhubung pendedahan wujudnya urusan jual beli maklumat peribadi untuk digunakan dalam Deklarasi Mahathir bulan lalu.

Noor Hasni Saad, 50, berkata, pihak polis diminta menyiasat kesahihan tandatangan dalam deklarasi itu agar ia tidak disalah gunakan oleh pihak berkepentingan.

Menurutnya, polis juga diminta mendapatkan maklumat lengkap tentang data 1.2 juta tandatangan itu yang didakwa tulen oleh sekretariat deklarasi itu.

"Saya tampil membuat laporan polis agar satu siasatan dibuat berkaitan isu jual beli maklumat

peribadi itu serta 1.2 juta tandatangan dalam Deklarasi Mahathir.

"Saya bimbang ada pihak salah guna data peribadi rakyat dan mendakwa itu bukti sokongan terhadap deklarasi itu yang boleh membawa huru-hara kepada negara," katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara di sini hari ini.

Utusan Malaysia pada 26 Mei lalu melaporkan, seorang pengatur cara komputer bebas mengaku terlibat dengan urus niaga menjual pangkalan data penduduk negara ini bagi mendapatkan 1.2 juta tandatangan untuk keperluan projek Deklarasi Rakyat.

UM-9/6/2016